

# Lebih 300 sertai perarakan berjubah graduan UMS

OE 17.10.2012 7

## Rini Zahlfah Ismail

KOTA KINABALU: Satu majlis perarakan berjubah graduan yang melibatkan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr. Harun Abdullah dan lebih 300 peserta, 67 daripadanya graduan UMS, berjalan di jalan raya dari dewan masyarakat ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), di sini, Isnin lalu.

Menurut Harun, majlis itu melambangkan penerimaan masyarakat tempatan dan pada masa sama, melatih graduan untuk menjadi individu yang berminat dalam kerja sosial di samping berasa selesa menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan.

Antara makna perjalanan simbolik itu juga termasuk mengeratkan ikatan silaturahim antara satu sama lain, katanya.

Buku Profesor Madya Dr Mahmud Sudin bertajuk, "Majlis Perarakan Berjubah Graduan di Bandar Raya Kota Kinabalu' telah mendapat pengiktirafan khasnya apabila ia memenangi Anugerah Buku Kebangsaan pada Februari 2012.

"Secara asasnya, acara ini bukan saja mengenai perarakan, tetapi lebih terumpu pada kebaikan masa

depan yang mendalam membabitkan kedua-dua universiti dan masyarakat."

Ini diucapkan di majlis konvokesyen ke-14 di mana 4,000 pelajar UMS (peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran) mendapat ijazah dan meraikan kejayaan mereka.

Sementara itu, Mayor

Abidin Madingkir berkata beliau bangga mengambil bahagian dalam majlis perarakan berjubah graduan kedua yang membabitkan graduan UMS dan juga mengucap terima kasih kepada mereka kerana bekerjasama dengan DBKK sebab mengambil bahagian dalam kempen mereka

(iaitu kempen anti sampah dan kempen anti beg plastik).

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Pengarah DBKK (Operasi), Joannes Solidau dan kakitangan UMS.



MADINGKIR dan Harun memegang skrol di majlis tersebut.